

CEGAH AWAL BARAH PARU-PARU


Kanser ketiga tertinggi dengan jumlah
19.8 peratus kematian dicatatkan di Malaysia

Nor Faizah Mohamed

wanitametro@hmetro.com.my

Mencegah lebih baik daripada mengubati. Ia ayat yang sering didengari namun jarang pula diambil peduli dalam kalangan kita. Apabila sakit baru kita berusaha mencari penyelesaiannya hingga ada yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi kala situasi semakin melarat hingga mendatangkan kemudaratan.

Dalam konteks perubatan, mencegah satu-satu penyakit itu amat dititikberatkan ke atas setiap individu dan



diletakkan sebagai punca utama.

“Data tempatan menunjukkan 92 peratus pesakit kanser paru-paru dalam kalangan lelaki Malaysia mempunyai sejarah merokok yang ketara.

“Meskipun kebanyakan kes kanser paru-paru berlaku pada golongan berusia 50 tahun, statistik menunjukkan perokok di negara ini bermula awal iaitu 36.9 peratus adalah kalangan remaja berusia 14 ke 15 tahun yang berjinak-jinak dengan vape dan e-rokok.

kesihatan individu dan keluarga, malah memberi implikasi serius terhadap perbendaharaan negara. Morbiditi dan terapi penyakit berkaitan tabiat merokok menyumbang RM440 juta setiap tahun dan nyata ia memberi beban ekonomi utama terhadap kewangan peribadi.

Tambah Dr Anand, ia boleh dielakkan jika program saringan diperkenalkan secara meluas, selain kesadaran pada individu terbabit.

“Penyediaan program saringan kesihatan awal in kepada masyarakat dapat membantu meningkatkan kemungkinan untuk diagnosis awal, sekali gus memudahkan pencegahan serta rawatan awal yang berkesan.

“Lebih awal ia dikesan dan dapat diberikan rawatan sewajarnya, lebih tinggi peluang kelangsungan hidup untuk pesakit terbabit.

“Kajian di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Eropah juga menunjukkan program saringan untuk kanser paru-paru membantu kepada peningkatan peluang pesakit dikesan lebih awal.

“Kajian itu turut menilai keberkesanan



DR Anand

pencegahan itu adalah kaedah terbaik untuk menjaga kesihatan diri secara keseluruhannya. Walaupun ia tampak ideal di atas kertas dan di dada poster kempen, hakikatnya ramai yang kurang memberi perhatian kepada pencegahan penyakit khususnya penyakit kronik seperti kanser. Tidak



MEROKOK tetap diletakkan sebagai punca utama.

dinafikan wujudnya kesedaran mengenai kanser dalam kalangan masyarakat Malaysia terutama membabitkan payudara dan serviks berikutan adanya pelbagai kempen pencegahan serta program rawatan awal.

Namun kurang pula yang memperkatakan mengenai kanser paru-paru meskipun majoriti sedar faktor utamanya berpunca daripada satu tabiat buruk iaitu merokok.

Kanser paru-paru adalah kanser ketiga tertinggi di Malaysia dengan jumlah 19.8 peratus kematian dicatatkan di negara ini.

Disebabkan kebanyakan

pesakit kanser paru-paru menjalani diagnosis apabila berada di tahap akhir dan sukar dirawat, kadar kematian disebabkan kanser ini terus meningkat sehingga 75 peratus berbanding kes kanser payudara pada tahap ketiga atau empat, di mana pesakit ditawarkan rawatan dan terapi yang tetap memerlukan perbelanjaan tinggi.

Jelas Pakar Bedah Kardiotoraks Pusat Perubatan Sunway, Dr Anand Sachithanandan, faktor genetik dilihat memainkan peranan kepada risiko kanser ini, tetapi merokok tetap

“Wanita yang merokok juga mencatat peratusan tinggi mengalami kesukaran mendapatkan anak, selain berdepan risiko kemandulan dan andai berpeluang hamil, bayi yang dikandung itu berisiko cacat mental atau fizikal,” katanya.

Walaupun kerajaan berusaha menghalang tabiat buruk itu antaranya memperkenalkan Pelan Strategik Nasional untuk menjadikan Malaysia bebas rokok pada 2045, namun penyebaran pengaruh rokok agak tinggi dalam kalangan masyarakat.

Merokok bukan saja membahayakan

program saringan yang menunjukkan keperluan untuk menyasarkannya kepada penyaringan individu yang berisiko tinggi.

“Justeru, cabaran kolektif kami adalah untuk mengenal pasti kumpulan berisiko tinggi di negara ini. Kajian perintis kami ini menyasarkan kumpulan berisiko berdasarkan epidemiologi tempatan penyakit itu dan ia perlu dilakukan dengan tepat untuk menentukan siapa yang perlu disaring.

“Pakar perubatan menekankan pentingnya diagnosis awal ini kerana pengesanan awal akan menjadi landasan kepada kejayaan satu-satu rawatan itu,” katanya.

Program saringan yang dijalankan dengan baik dan komprehensif turut berupaya menyelamatkan nyawa serta menjimatkan berbilion ringgit untuk jangka panjang meskipun diakui penilaian keberkesanan kosnya bukan perkara mudah pada peringkat awal seperti ini.

Apapun, Dr Anand menegaskan pentingnya garis panduan yang jelas dan program jaminan kualiti ditubuhkan oleh pasukan berdedikasi sebelum memulakan program saringan ini di peringkat kebangsaan